



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

---

**TEKS PERUTUSAN**  
**YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN**  
  
**BERSEMPENA DENGAN**  
  
**SAMBUTAN HARI GURU**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-54**  
**TAHUN 2025**

**TARIKH:**

**16 MEI 2025**

**TEMA HARI GURU**  
  
**“GURU PEMACU REFORMASI PENDIDIKAN”**

Bismillahi wabihi nasta'in

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Malaysia MADANI

Yang Berusaha Tuan Pengetua / Guru Besar;

Yang Dihormati Yang Dipertua PIBG;

Yang Berusaha Barisan Guru Penolong Kanan;

Yang Berusaha Barisan Guru Kanan Mata Pelajaran;

Guru-Guru dan murid-murid yang saya hormati.

1. Bersyukur saya ke hadarat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua, dapat saya menitipkan ucapan bersempena Sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah Tahun 2025. Saya pasti majlis sambutan yang diadakan di peringkat sekolah akan berlangsung dengan meriah dengan pelbagai aktiviti yang telah disusun rapi.
2. Sambutan Hari Guru memang dinanti-nantikan oleh seluruh warga sekolah termasuk PIBG yang mewakili ibu bapa. Ia pastinya akan melukiskan kenangan indah dengan penuh warna-warni keceriaan dan kegembiraan. Saya pasti kenangan indah itu menjadi lambang yang dapat menggambarkan betapa erat dan rapatnya hubungan antara guru dan murid serta seluruh warga sekolah. Oleh hal demikian, saya pasti tiada seorang pun warga sekolah akan sanggup melepaskan kenangan indah yang tercatat dalam Sambutan Hari Guru hari ini.

**Guru-guru, murid-murid dan seluruh warga sekolah yang saya kasihi,**

3. Setiap kali sambutan Hari Guru, pasti akan berkumandang lagu keramat **Kami Guru Malaysia**. Bait-bait lagu ini dengan jelas menggambarkan betapa Guru Malaysia sanggup berkorban walaupun membakar diri demi murid-murid yang tercinta. Sehubungan dengan ini, saya dan murid-murid mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan **terima kasih cikgu** atas segala jasa dan bakti guru selama ini untuk pendidikan anak bangsa.
4. Pada kesempatan meraikan guru-guru dari kejauhan dalam Majlis Sambutan Hari Guru, suka saya membaca baris demi baris bait-bait lagu Kami Guru Malaysia. Ya, memang sungguh bahawa lagu keramat Kami Guru Malaysia menggambarkan nyala rasa guru yang tersemat dalam ikrar dan janji guru-guru untuk pendidikan ini.
5. Guru-guru melafazkan ikrar dan janji suci, iaitu mendidik dan memimpin putra putri negara kita. Guru-guru berikrar dan berjanji untuk bersama-sama membantu dan membina negara tercinta ini. Guru-guru tanpa ragu-ragu berikrar dan berjanji tidak akan mempersiapkan amanah pendidikan yang diberi. Guru juga seiya dan sekata berikrar dan berjanji akan tetap menunaikan amanah pendidikan ini menerusi lafaz “Tunai tetap, kami tunaikan”.

6. Saya yakin ikrar dan janji ini pasti diingati serta dipegang erat oleh semua guru. Justeru, saya mengajak murid-murid untuk memberikan ruang dan peluang kepada guru-guru untuk menunaikan ikrar dan janji mereka kepada murid-murid. Untuk itu, saya memujuk murid-murid untuk berjanji hadir ke sekolah, hormati dan taati guru sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Percayalah bahawa guru-guru anda telah merancang proses pengajaran dan pembelajaran dengan rapi untuk memastikan memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan membangunkan nilai diri.

**Guru-guru, murid-murid dan warga sekolah yang saya kasihi,**

7. Dunia sudah berubah dan terus berubah dengan pantas. Perubahan ini dipacu oleh kemajuan sains dan teknologi seperti teknologi sistem pengaturcaraan, robotik dan kecerdasan buatan (AI). Kemajuan teknologi yang melanda kehidupan masyarakat telah memberikan kesan yang besar dalam pelbagai bidang kehidupan, termasuk pendidikan.
8. Menerusi kemajuan teknologi, murid mempunyai akses yang meluas bagi memperoleh pelbagai maklumat dan pengetahuan tentang sesuatu bidang ilmu. Oleh itu, metodologi pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau dalam bilik darjah hendaklah direformasikan supaya selari dengan perubahan dan tuntutan zaman yang berubah pantas. Oleh yang demikian, guru-guru

juga hendaklah pantas mereformasikan amalan pedagogi dan proses pengajaran dan pembelajaran.

9. Atas keinsafan akan cabaran baharu yang ada, Kementerian Pendidikan telah menetapkan tema Sambutan Hari Guru Kali Ke-54 Tahun 2025, iaitu **Guru Pemacu Reformasi Pendidikan**. Tema ini mengadunkan antara nyala rasa guru seperti yang tergambar pada ikrar dan janji dalam lagu Kami Guru Malaysia dan roh reformasi bagi mencetuskan pembaharuan atau islah dalam dunia pendidikan negara. Semoga tema ini merangsang daya fikir dan keterujaan guru-guru untuk berkarya menggunakan daya kreativiti dan inovasi bagi mencipta perubahan pada strategi, pendekatan, kaedah, teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau bilik darjah. Menerusi keberanian dan kesediaan guru untuk menyahut reformasi dalam pendidikan, saya yakin pendidikan negara akan berkembang maju. Sehubungan dengan ini, sekali lagi saya memujuk murid-murid untuk rajin-rajin hadir ke sekolah dan rajin-rajin belajar dengan guru. Sesungguhnya, guru anda adalah guru yang terbaik untuk anda.
10. Saya juga menaruh harapan tinggi kepada guru-guru untuk menyambut seruan reformasi dalam pendidikan yang telah dinukilkan dalam tema Sambutan Hari Guru Tahun 2025 dengan minda yang terbuka. Saya mengharapkan kreativiti dan inovasi yang berupaya menjana pemikiran baharu seperti menghargai proses pemperibadian dalam pembelajaran (*personalization*

*learning*) murid-murid terlaksana di sekolah atau bilik darjah. Diharapkan juga, guru-guru pantas membangunkan inisiatif dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran era digital bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang direka itu selari dengan kehidupan murid-murid kini. Ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran demikian berupaya menarik murid-murid untuk belajar.

11. Bagaimanapun, aktiviti berasaskan seruan reformasi tersebut tidak boleh sekali-kali membenamkan usaha menyemai dan menyuburkan nilai-nilai manusiawi pada diri murid. Justeru, saya mengharapkan agar guru-guru dapat menghayati konsep pendidikan manusiawi dan pembinaan karakter yang menjadi elemen penting untuk kehidupan era digital. Pada masa yang sama, saya menyeru guru-guru mendepani cabaran baharu dalam dunia pendidikan dengan membawa nilai kasih sayang atau cinta dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Sesungguhnya, kasih sayang dan cinta guru untuk pendidikan murid menjadi asas untuk menjayakan reformasi pendidikan. Saya menyimpan keyakinan bahawa di sebalik usaha demikian, guru-guru dapat bersama-sama untuk membantu dan membina Malaysia MADANI pada masa hadapan.
12. Tema **Guru Pemacu Reformasi Pendidikan** hendaklah segera difahami dengan sebaik-baiknya oleh para guru. Seruan reformasi untuk pendidikan mengajak guru-guru untuk menggunakan daya fikir, ilmu pengetahuan, kemahiran, daya

keaktiviti dan inovasi masing-masing. Seruan ini adalah sejajar dengan autonomi yang diberikan kepada guru untuk merancang dan mereka cipta proses pengajaran dan pembelajaran untuk murid-murid. Oleh itu, saya berharap menerusi kekuatan potensi guru-guru dan semangat daripada tema, iaitu Guru Pemacu Reformasi Pendidikan, Kementerian Pendidikan berjaya memastikan Enam Reformasi Pendidikan, iaitu **Intervensi kurikulum, Pendidikan STEM, Pemerkasaan Pendidikan Digital, Memartabat Bahasa Melayu, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), Pendidikan TVET dan Pendidikan Prasekolah** berjaya dilaksanakan.

13. Guru merupakan orang yang menjadi penggerak utama untuk memacu aktiviti dan inisiatif baharu berkaitan pendidikan sama ada untuk pengajaran dan pembelajaran murid-murid atau bagi konteks profesionalisme keguruan. Kementerian Pendidikan mempunyai kepercayaan yang tinggi kepada guru-guru untuk bersama-sama menyelesaikan lapan perkara yang menjadi isu dan mesti ditangani (*non-negotiable*), iaitu **Isu keciciran, Reformasi Sekolah, Isu Literasi dan Numerasi, Pentaksiran Antarabangsa, Generasi MADANI, Isu Kesejahteraan Sekolah, Peningkatan Profesionalisme Guru dan Kepimpinan Pendidikan MADANI**. Keyakinan Kementerian Pendidikan pada guru-guru bagi tujuan ini tidak perlu disangsikan. Kementerian Pendidikan yakin bahawa guru-guru ialah orang yang berilmu berpengetahuan, berkemahiran tinggi, berpengalaman, profesional dan memiliki kesungguhan dalam

pendidikan. Oleh itu, tidak salah orang apabila Kementerian Pendidikan memberikan amanah ini kepada guru-guru.

**Selamat Hari Guru. Terima kasih cikgu!**

Wabillahi Taufiq wal hidayah Assalamualaikum wbr.